

**RWMF 2012 Sumbang Pendapatan Sampingan RM37 Juta
Bernama
9 Ogos, 2012**

KUCHING, 9 Ogos (Bernama) -- Rainforest World Music Festival (RWMF) 2012, yang mencatat kejayaan besar baru-baru ini, menyumbang pendapatan sampingan kira-kira RM37 juta terhadap ekonomi tempatan, kata ketua pegawai eksekutif Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) Datuk Rashid Khan.

Beliau berkata 65 peratus daripada 22,290 pengunjung ke RWMF 2012 di Kampung Budaya Sarawak dekat sini bulan lepas adalah dari luar Sarawak.

"Sejajar dengan kedudukannya yang bertaraf antarabangsa, RWMF juga menyuntik semangat kehijauan alam pada pesta itu melalui acara penanaman pokok di Damai Central dan penggunaan produk mesra alam sekitar di venue persembahan.

"Ia juga meneruskan inisiatif latihan dan kesukarelaan yang merupakan sebahagian daripada platform penasihat industri ke arah meningkatkan kualiti siswazah supaya sejajar dengan keperluan industri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini selepas majlis terbuka puasa anjuran STB untuk warga media di sini malam Rabu.

Rashid berkata STB menasihatkan 70 peratus pelajar yang menyertai program itu pada masa akan datang terdiri daripada mereka dari luar Sarawak sebagai langkah untuk membawa pesta ini ke persada antarabangsa setelah pelajar dari Belanda, Perancis, Singapura dan Kuala Lumpur turut terlibat pada tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686810>

